

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN



SKOP PENGENAAN CUKAI

- Individu Bukan Pemastautin dikenakan cukai atas pendapatan diperolehi atau diterima dari **MALAYSIA**
- Secara amnya, anda bukan pemastautin untuk tujuan cukai jika berada di Malaysia kurang **182 hari** untuk satu tahun kalendar tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan

PENDAPATAN PENGGAJIAN INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Gaji, upah, bonus, yuran pengarah, komisen, elaun, perkuisit, ganjaran bayaran lebih masa, tip, pampasan, cukai ditanggung majikan, Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP) dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- Manfaat Berupa Barangan daripada majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- Nilai Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan
- Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan
- Pampasan kerana kehilangan pekerjaan

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN TIDAK DIKENAKAN CUKAI JIKA

- Bekerja di Malaysia kurang daripada **60 hari setahun**
- Berumur 55 tahun dan menerima pencen daripada penggajian di Malaysia
- Menerima faedah bank
- Menerima dividen yang dikecualikan cukai (tahun taksiran 2014)

PERHATIAN

Gunakan **e-Filing (e-M / e-MT)** iaitu cara mudah bagi melaporkan pendapatan penggajian. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari Nota Penerangan M di www.hasil.gov.my

Tarikh akhir menghantar Borang M (e-M / e-MT) dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 April** setiap tahun

TANGGUNGJAWAB PEKERJA

- Isi dan hantar Borang e-M / e-MT melalui **e-Filing**
- Simpan Penyata Saraan daripada majikan (EA / EC / lain-lain dan resit-resit selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM)
- Individu Bukan Pemastautin tidak layak menuntut pelepasan, potongan dan rebat cukai

POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- Bertujuan meringankan beban pekerja daripada membayar cukai sekaligus
- Bayaran ansuran cukai pendapatan pekerja
- Kiraan berdasarkan pada kadar rata 25% daripada gaji kasar bulanan

KADAR CUKAI INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

JENIS PENDAPATAN	TAHUN TAKSIRAN	
	2010 - 2014	2015
- Perniagaan, perdagangan atau profesion	26 %	25 %
- Penggajian		
- Dividen		
- Sewa		
- Perolehan-perolehan lain atau keuntungan		

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan berkaitan

SILA HUBUNGI

CAWANGAN TIDAK BERMASTAUTIN
TINGKAT 3, 6 - 8, BLOK 8
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50600 KUALA LUMPUR

TEL : 03-6209 1000

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN